



Headline: TERLALU MUDAH CURI MAKLUMAT

Publication/Portal: Berita harian

Date: 19 July 2020

Language: Malay

Section: 1Klassifieds

Page: 26

TERLALU MUDAH CURI MAKLUMAT

JIKA anda mengunjungi restoran atau kafe, perkara pertama yang dilakukan sebelum memesan makanan pastinya bertanyakan kata laluan sambungan WiFi untuk melayari Internet.



Sesetengah pembekal Internet jalur lebar melarang pengguna berkongsi sambungan WiFi dengan orang yang tidak dikenali. Larangan ini biasanya terkandung dalam syarat perkhidmatan oleh pembekal Internet ketika anda mendaftar untuk menggunakan Internet.

Adakah komputer dan rangkaian anda selamat?

Pastikan kata laluan komputer anda sukar diteka dan dihafal. Ia penting terutamanya jika anda mempunyai rangkaian komputer di rumah. Semestinya anda tidak mahu orang yang tidak dikenali menggunakan sambungan WiFi anda untuk mengakses komputer anda.

Adakah anda sudah menukar kata laluan stesen utama (base station)?

Kebanyakan stesen utama WiFi menggunakan kata laluan yang mudah diteka seperti 'admin' atau 'default' yang membolehkan penggodam untuk mengambil alih arahan stesen utama anda. Pastikan anda menukar kata laluan stesen utama WiFi kepada yang sukar diteka, tetapi mudah diingati.

Tip menutup rangkaian WiFi awam:

Jika anda mahu melindungi rangkaian WiFi daripada orang yang tidak dikenali, terdapat beberapa langkah yang boleh diambil:

Jangan siarkan Service Set Identifier (SSID) anda, ia langkah yang paling mudah untuk mencegah seseorang daripada memasuki rangkaian WiFi anda.

Bagaimanapun ia masih lagi belum selamat. Secara automatik, semua stesen utama WiFi menghentikan kehadiran mereka menggunakan pengenalan yang dipanggil SSID kepada sesiapa yang berdekatan.

Enkripsi kata laluan rangkaian tanpa wayar.

Pastikan stesen utama hanya menerima alamat 'MAC' anda.

Tip menghantar maklumat sensitif melalui rangkaian WiFi:

- Jangan hantar fail yang sensitif jika anda tahu rangkaian WiFi tidak selamat.
- Gunakan 'Virtual Private Network' (VPN) untuk memastikan keselamatan maklumat yang dihantar melalui WiFi.
- Gunakan rangkaian yang selamat.



Namun, tahukah anda WiFi percuma ini mempunyai risiko keselamatan yang tinggi? Ia memberi ruang kepada penjenayah siber untuk mencuri maklumat peribadi anda melalui sambungan WiFi percuma ini.

Disebabkan kebergantungan tinggi terhadap teknologi, pengguna sebenarnya tidak sedar kemudahan WiFi percuma ini berupaya mendedahkan maklumat peribadi seseorang.

Pengguna telefon pintar, tablet dan laptop yang berhubung melalui pelbagai aplikasi sosial sudah pasti mencari WiFi percuma ini ke mana saja mereka pergi tidak kira di hotel, lapangan terbang, kedai kopi malah di hospital.

Penggunaan WiFi dirumah perlu mengambil langkah lebih berhati-hati apabila kebanyakan individu memiliki untuk membikar sambungan rangkaian WiFi mereka terbuka, sekali gus mencipta hotspot yang membolehkan sesiapa saja berdekatan kawasan itu untuk membuat sambungan ke Internet.

Antara tip perlu difikirkan:

Adakah hotspot anda menyalahi peraturan pembekal perkhidmatan Internet?